

# Juri akur kehebatan 4 peserta akhir AQ3

**M**ASIH mengekalkan komen nakal mereka yang sering disambut gelak tawa penonton, juri program realiti terbitan TV9, Akademi al-Quran musim ketiga (AQ3), terpaksa akur dengan kehebatan empat peserta yang berjaya mengharungi cabaran mempelajari ilmu al-Quran hingga ke peringkat akhir.

Kurang kesalahan yang dilakukan peserta tatkala menjawab soalan dikemukakan pada dua segmen peringkat akhir AQ3 yang disiarkan secara langsung di TV9, malam Khamis lalu, menyebabkan ketiga-tiga juri tetap program berkenaan mengumumkan semua peserta akhir adalah pemenang.

Namun, dalam setiap pertandingan akan hanya ada seorang pemenang dan juri bahagian qiraat, Nazri Abdullah, berkata peserta paling sedikit membuat kesalahan pada malam itu akan bergelar juara AQ3.

Peserta akhir AQ dinilai daripada aspek qiraat, taranum, tajwid dan fasahah. Selain Nazri, juri AQ3 ialah bekas johan qari tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa, Radzi Kamarul Hailan selaku juri taranum dan pensyarah Darul Quran, Zamri Mohd Zainuddin (aspek tajwid dan fasahah).

Ternyata nasib menyebelahi peserta kedua yang menyampaikan bacaan, Mohd Fakhru Radhi Khamarudin yang diumumkan sebagai juara mengatasi tiga peserta lain, Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, Syamsul Abu Hasan Alshaari dan satu-satunya peserta wanita, Sharifah Khasif Fadzilah Syed Mohd Badiuzzaman.

Mohd Fakhru yang mendapat markah 92.5 peratus membawa pulang kereta Proton Saga bernilai RM36,000, wang tunai RM30,000 dan rehal kristal berbentuk sebuah al-Quran bernilai RM1,000 daripada TV9.

Hadiah disampaikan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mas-hitah Ibrahim. Hadir sama, Pengerusi Media Prima Berhad, Datuk Abdul Mutalib Mohamed Razak dan Ketua Pegawai Operasi TV9, Bukhari Che Muda.

Tempat kedua dimenangi Sharifah Khasif Fadzilah yang mendapat 91 peratus, ketiga, Ahmad Tarmizi (89 peratus) dan keempat, Syamsul (86.5 peratus). Masing-masing menerima hadiah wang tunai RM20,000, RM10,000 dan RM2,000.

Radzi berkata, peningkatan mutu bacaan secara berlagu peserta akhir AQ3 menunjukkan peningkatan mengagumkan kerana mereka mampu meniru bacaan qari yang masyhur dan sudah bergelar dari Mesir.

"Kita di AQ3 menekankan peserta meniru cara bacaan qari terkenal yang menjadi rujukan mereka yang terbabit dalam bidang al-Quran. Ia selaras dengan sabda Rasulullah SAW supaya membaca al-Quran dengan lajnah Arab," katanya.

Bagi Zamri yang menilai peserta dari segi hukum tajwid dan kefasihan, sukar untuk mencari kesalahan hukum daripada bacaan yang disampaikan peserta kerana mereka menguasai bidang itu dengan baik.

Jika ada kesalahan pun katanya, hanya dari aspek harkat iaitu panjang bacaan dan sebutan huruf yang tidak jelas tetapi terlalu sedikit dilakukan peserta.

Juara AQ3, Mohd Fakhru yang mengakui tidak begitu yakin nasib bakal menyebelahi dirinya kerana persaingan hebat diberikan rakan peserta lain pada malam itu melahirkan rasa syukur atas rezeki dikurniakan Allah.

Katanya, beliau menyertai AQ3 dengan matlamat menambah pengalaman dalam bidang pembacaan al-Quran hingga ke peringkat lebih tinggi dan menimba ilmu yang tidak pernah dipelajari sebelum ini daripada tenaga pengajar program berkenaan.

"Saya bersyukur kerana berjaya hingga ke peringkat akhir. Selepas menerima komen juri tadi, ada rasa tidak yakin untuk menang kerana saya juga melakukan ke-



**“**Komen juri menjadi panduan saya. Tugas sebagai tutor di Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) memberi peluang kepada saya berkongsi pengalaman dengan pelajar yang akan mengikuti subjek qiraat pada semester akan datang. Saya akan cuba menerapkan konsep diperkenalkan AQ supaya mereka juga nanti boleh menyertai AQ untuk menimba lebih banyak pengalaman”

**Ahmad Tarmizi Abdul Rahman**  
Pemenang ketiga



**“**Berada bersama peserta yang hebat hingga ke peringkat akhir adalah pengalaman bermakna kepada saya. Kesilapan dilakukan saya terima seadanya kerana saya yakin ia berlaku atas rezeki. Usaha mendalami ilmu al-Quran akan diteruskan kerana proses pembelajaran tidak pernah ada hadnya. Banyak lagi yang perlu dan boleh dipelajari”

**Syamsul Abu Hasan Alshaari**  
Pemenang keempat



ROSZELIA ISMAIL | BERITA HARIAN

**PENILAIAN JURI:** Dari kiri Zamri, Radzi dan Nazri juri peringkat akhir Akademi al-Quran musim ketiga.

**FAKTA NOMBOR**

Hadiah AQ3  
Johan  
**RM30,000**  
Wang tunai

Wang tunai  
**RM36,000**  
Harga Proton Saga

**RM1,000**  
Nilai rehal kristal

---

Naib juara  
**RM20,000**  
Wang tunai

---

Tempat ketiga  
**RM10,000**  
Wang tunai

---

Tempat keempat  
**RM2,000**  
Wang tunai



**DORONGAN:** Mohd Fakhruil Radhi bersama ibu bapanya, Dalilah Ariffin dan Khamarudin Ahmad selepas diisytihar johan Akademi al-Quran di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

salahan. Tambahan semua sahabat membaca dengan baik," katanya.

Belian berkata, perancangan selepas ini ialah untuk melanjutkan pengajian dalam bidang usuluddin di Universiti Insaniah, Kedah, dan pada sama mengembangkan ilmu dengan mengajar al-Quran.

Begitu peserta paling muda, Syamsul, 22, yang melakukan kesalahan kerana tidak menepati soalan apabila memulakan bacaan surah al-Imran daripada ayat 48, bukan ayat 46 seperti diminta soalan berkata, hanya menyedari kesi-

lapan itu pada saat akhir.

"Saya agak kelan kalut sedikit dan kertas soalan diletak atas ayat 46. Kerana sudah ada tanda garisan pada al-Quran, saya tau pa rasa ragu terus membaca ayat itu. Apabila cepat sangat habis baca baru saya setar ada yang tidak kena.

"Masa atas pentas tadi ada jujuran kesesal tetapi selepas itu tidak kerana apa yang berlaku di atas pentas adalah atas rezeki yang ditentukan Allah. Saya sudah membaca sebelumnya dan ia bukan rezeki saya," katanya.